

TERMA RUJUKAN

PANDUAN UNTUK PELAJAR/ PELATIH MENGISI BORANG PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

1	Pelajar/ pelatih hendaklah melengkapkan Borang Permohonan Menduduki Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM)/ Lembaga Bidan Malaysia (LBM) dengan maklumat yang tepat.	
2	Pastikan ejaan NAMA dan NOMBOR KAD PENGENALAN/ PASPORT adalah TEPAT dan SAMA seperti yang tertera dalam dokumen pengenalan diri. Semua maklumat mestilah ditulis menggunakan HURUF BESAR .	
3	Sekiranya terdapat perbezaan ejaan atau nama selain daripada yang tertera pada kad pengenalan/ pasport, pelajar/ pelatih wajib menyertakan Surat Perakuan Sumpah yang ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah sebagai bukti sokongan.	
4	Sila sertakan salinan kad pengenalan/ pasport serta dokumen dan sijil berkaitan yang telah disahkan mengikut keperluan program masing-masing.	
5	Pelajar/ pelatih perlu merujuk kepada syarat kelayakan menduduki peperiksaan LJM, Syarat Bagi Kemasukan Dalam Bahagian Am Daftar untuk Jururawat.	
6	Fi peperiksaan individu mengikut program hendaklah diserahkan terus kepada Pengetua atau Pengajar yang bertanggungjawab.	
7	Bagi calon <i>Malaysian Trained Overseas</i> (MTO), pengesahan kelayakan adalah tertakluk kepada pematuhan kriteria akademik, klinikal, dan sahsiah melalui prosedur berikut:	
	7.1	permohonan mestilah dikemukakan melalui Unit <i>Temporary Practicing Certificate</i> (TPC)/ Globalisasi;
	7.2	borang yang lengkap hendaklah dihantar kepada Unit TPC/ Globalisasi dengan bayaran fi mengikut program beserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan;
	7.3	unit TPC/ Globalisasi akan memaklumkan sesi Peperiksaan LJM dan pusat peperiksaan bagi pemohon tersebut; dan
	7.4	unit TPC/ Globalisasi akan memberikan maklum balas kepada pemohon mengenai status permohonan, tarikh peperiksaan LJM, pusat peperiksaan dan keputusan peperiksaan.
8	Permohonan menduduki peperiksaan LJM/ LBM ini boleh ditolak sekiranya maklumat didapati tidak lengkap dan tidak disertakan dengan bayaran peperiksaan.	

9	Bayaran yuran peperiksaan tidak akan dikembalikan jika calon tidak menduduki peperiksaan pada tarikh yang telah ditetapkan.			
10	Pelajar/ pelatih yang menangguhkan peperiksaan setelah mendaftar peperiksaan perlu mengemukakan surat penjelasan/ tunjuk sebab melalui Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT).			
11	Pelajar/ pelatih yang telah mendaftar dan diberikan angka giliran tetapi gagal hadir tanpa alasan yang sah akan hilang satu (1) peluang untuk menduduki peperiksaan. Surat penjelasan/ tunjuk sebab hendaklah dikemukakan secara rasmi melalui PPT masing-masing.			
12	Tempoh ulangan peperiksaan dan had maksimum tempoh pengajian (termasuk ulangan) adalah seperti berikut:			
	Program	Tempoh Pengajian	Tempoh Ulangan	Tempoh Pengajian Termasuk Ulangan
	Sijil Penolong Jururawat	2 tahun	3 kali	5 tahun
	Diploma Kejururawatan	3 tahun	3 kali	6 tahun
	Diploma Kejururawatan (Program Peralihan)	1 tahun	3 kali	4 tahun
	Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan	4 tahun	3 kali	7 tahun
	Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan Kesihatan Awam	4 tahun	3 kali	7 tahun
	Sijil Pos Basik Kejururawatan Kesihatan Awam	1 tahun	3 kali	4 tahun
	Diploma Lanjutan Kebidanan	1 tahun	3 kali	4 tahun